

19/11/1999

Islam tidak mengajar rendahkan martabat

BEBERAPA minggu lalu Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat membuat kenyataan mengejutkan - Pas sanggup menerima sesiapa saja pemimpin bukan Islam walaupun Cina DAP, sebagai Perdana Menteri. Kesediaan Pas itu sangat memalukan masyarakat Islam negara ini dan sekali gus memberi tamparan hebat kepada ketuanan Melayu. Ini jelas membuktikan Nik Aziz tidak langsung mempertahankan, malah menidakkan pula ketuanan bangsanya sendiri dan ketuanan Islam. Sebaliknya, orang Cina dalam DAP yang tidak menganut Islam dan tidak pula ada setitik pun darah Melayu mengalir dalam badan mereka, mahu diterima Pas sebagai Perdana Menteri.

Kini lain pula kenyataannya. Lidah Mursyidul Am Pas itu semakin berbelit-belit. Beliau sendiri semakin lemas, tenggelam malah keliru dengan pelbagai kenyataan yang dibuatnya sendiri. Selepas mengeluarkan kenyataan mahu Cina DAP yang sah bukan beragama Islam menjadi Perdana Menteri, kelmarin ulama Pas itu mempertahankan pula ketuanan Islam sebagai syarat menjadi pemimpin. Katanya, Pas hanya menerima ketuanan Islam sebagai syarat seseorang itu untuk menjadi Perdana Menteri. Katanya, Umno yang memperjuangkan ketuanan Melayu memilih Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang didakwanya bukan pun Melayu.

Jelas Nik Aziz tidak memahami Perlembagaan Negara yang menetapkan bahawa Melayu ialah seorang yang bertutur bahasa Melayu, menganuti adat resam Melayu dan beragama Islam. Dengan mempertahankan ketuanan Melayu, Umno dengan sendirinya juga mempertahankan ketuanan Islam.

Jika ditafsirkan kenyataan Nik Aziz yang amat memeningkan kepala termasuk oleh penyokongnya, jelas beliau mengakui mereka yang beragama Islam sahaja layak menjadi Perdana Menteri. Malah jika digariskan satu persatu ciri-ciri seseorang yang berketuanan Islam atau tidak, Nik Aziz sendiri akan akur bahawa pemimpin DAP secara automatik terkeluar daripada senarai itu. Ini kerana pemimpin Cina DAP sekarang bukannya Islam.

Persoalannya mengapa Pas sanggup melutut menerima pemimpin DAP yang terang-terang bukan Islam menjadi Perdana Menteri kiranya mereka memperjuang dan mempertahankan ketuanan Islam? Apakah Nik Aziz tidak dapat melihat secara realiti bahawa DAP adalah parti kafir sebagaimana yang pernah dilabelkannya kepada Umno tetapi masih sanggup menerima pemimpin parti itu untuk menjadi pemimpin nombor satu negara?

Pemimpin barisan alternatif sendiri mengakui Nik Aziz membuat pelbagai kenyataan yang menyulitkan dan bercanggah dengan apa yang dipersetujui mereka berhubung siapa bakal menjadi Perdana Menteri jika pembangkang menang dalam pilihan raya kali ini.

Kenyataan Nik Aziz memperkecilkan bangsa dan darjat seseorang itu serta membuat perbandingan dari aspek agama, amat dikesalkan. Islam sendiri tidak mengajar umatnya untuk menghina bangsa, keturunan, anutan atau merendah-rendahkan martabat orang lain walaupun bukan saudara seagama. Malah, sesama Islam diwajibkan bermesra dan sayang menyayangi. Allah sendiri mengakui manusia ini dijadikan-Nya berbilang bangsa kerana ada hikmahnya.

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenalan (beramah mesra antara satu dengan lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih bertakwa (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amal

kamu) Surah Al-Hujurat, ayat 13.

Nik Aziz kelmarin mengesahkan Pas memperalatkan al-Quran untuk kepentingan politiknya. Kenyataan yang berbolak-balik mengenai ketuanan Melayu dan Islam ini adalah antara bukti beliau menggunakan Islam untuk memutarbelitkan isu demi kepentingan parti. Pas hanya parti yang mampu bercakap mengenai Islam, tetapi gagal melakukan sesuatu bagi kemajuan Islam. Rakyat akui politik memang kotor tetapi tidak menyangka ia menjadi semakin kotor sejak kebelakangan ini angkara durjana Pas.

Kekotoran ini tampak lebih menjijikkan apabila ia datang daripada sebuah parti yang selalu mengaitkan dirinya dengan agama Islam. Apabila mereka sudah sanggup bekerjasama dengan syaitan, jelas makhluk kutukan Allah ini berjaya merasuk penyokong dan pemimpin mereka sehingga sanggup memfitnah, mengata nista mencarut dan mentafsirkan sendiri firman Allah.

Sistem siasah, sosial dan akhlak yang dianjurkan Islam melalui al-Quran tersangat unggul. Tetapi di Malaysia ia sentiasa dirosakkan oleh Pas yang merasakan mereka lebih Islam daripada orang Islam lain.

(END)